

# Sinergi guru, ibu bapa pacu kecemerlangan pendidikan

**Secara** umum, institusi pendidikan Malaysia masih berfokus pengajaran formal di bilik darjah. Norma kehidupan di sekolah adalah guru melaksanakan tugas mengajar dan ibu bapa bertanggungjawab terhadap tumbesaran dan perkembangan positif anak semasa di rumah.

Namun, sejak penularan pandemik COVID-19, guru, ibu bapa dan pelajar menghadapi cabaran norma baharu untuk berada di rumah bagi membantu memutuskan penularan COVID-19.

Inisiatif dilaksanakan bagi meneruskan sesi persekolahan pelajar adalah melalui platform pembelajaran secara digital, sama ada segerak atau sebaliknya. Hampir setiap hari terdapat kelas akademik dan agama dijalankan secara maya melalui pelbagai platform teknologi.

Walaupun pembelajaran secara digital

luar daripada kebiasaan, keadaan ini mempunyai sejuta hikmah bagi setiap pihak.

Bagi guru, peluang melaksanakan pengajaran formal secara digital membantu mereka berevolusi sejajarnya dengan pendidikan abad ke-21 dan keperluan Revolusi Industri 4.0. Sesi pembelajaran digital menjadikan guru lebih kreatif dalam penyampaian pengajaran.

Guru perlu berinovatif menyediakan bahan pembelajaran digital yang bermanfaat. Secara tidak langsung, guru dapat meningkatkan pengetahuan, juga kemahiran pedagogi alaf ke-21.

Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), ramai ibu bapa menghadapi cabaran memikul pelbagai peranan akibat penutupan sekolah. Secara berintegriti ibu bapa perlu melaksanakan tugas pejabat demi kelangsungan hidup.

Selain itu, ibu bapa juga menjalankan

tanggungjawab hakiki kepada keluarga dan menjadi bidan terjun sebagai guru akademik dan agama kepada anak. Platform pembelajaran digital menuntut komitmen ibu bapa sepenuhnya dalam mengawasi setiap aktiviti sekolah yang dilaksanakan secara dalam talian.

Hikmahnya, ibu bapa dapat mengetahui tahap pendidikan anak apabila terpaksa terbabit secara langsung dalam sesi pembelajaran digital di rumah. Pelajar pula dapat merasakan suasana pembelajaran norma baharu.

Walaupun ramai teruja dengan aktiviti belajar secara maya, sebilangan pelajar semakin pasif semasa sesi dijalankan. Selain itu, segelintir pelajar tidak dapat turut serta kerana masalah teknikal, penjadualan kelas, dan sebagainya.

Pengalaman ini mengajar guru dan ibu bapa agar sama-sama berganding

bahu membantu pelajar dalam menangani emosi gangguan akibat norma kehidupan yang berubah.

Perkara ini penting bagi memastikan keciciran pelajar semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di tahap minimum.

Sinergi antara guru dan ibu bapa amat signifikan bagi memacu sesi pembelajaran pelajar yang tertangguh akibat penutupan sekolah yang lama. Hubungan erat guru dengan ibu bapa harus terus dipupuk demi kecemerlangan sistem pendidikan, seperti kata pepatah, yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing.

*Dr Roslinda Rosli,  
Pusat Kajian Inovasi Pengajaran  
dan Pembelajaran,  
Universiti Kebangsaan Malaysia*

Pembaca yang ingin berkongsi pandangan dan membuat aduan boleh e-mel ke [tblforum@tbl.com.my](mailto:tblforum@tbl.com.my)